

11 AUG 2000

Abdullah-MB

TIDAK MUNGKIN ADAKAN PILIHAN RAYA KECIL UNTUK LANTIK MB SELANGOR

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu pilihan raya kecil di Selangor bagi tujuan melantik Menteri Besar Selangor yang baru.

"Itu tidak perlu, saya ingat daripada nama yang dikemukakan, insya-Allah ada seorang daripadanya yang akan dilantik, bagaimanapun ini (pelantikan Menteri Besar Selangor) terserahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Beliau berkata anggota Umno Selangor juga telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima sesiapa juga yang dikenal pasti oleh pucuk pimpinan yang dipilih untuk menjadi Menteri Besar bagi mengisi kekosongan ekoran peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar semalam.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali Datuk Zainal Abidin Sakom bahawa beliau bersedia untuk meletak jawatan sekiranya pucuk pimpinan bercadang melantik Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Taib yang juga bekas Menteri Besar Selangor, bagi menggantikan Abu Hassan.

Mengenai senarai nama calon yang dikemukakan Badan Perhubungan Umno Selangor kepada Dr Mahathir hari ini, Abdullah berkata senarai nama calon berkenaan terdiri daripada Ketua Bahagian Umno yang layak, yang juga merupakan ADUN.

"Kalau dia tidak jadi Adun, dia tidak layak, tidak bolehlah," katanya.

Abdullah juga ditanya mengenai tohmahan terhadap Abu Hassan yang didakwa mempunyai anak luar nikah dengan adik iparnya sendiri dan desakan supaya perkara itu disiasat termasuk mengadakan ujian DNA.

"Saya tidak tahu perkara-perkara detail ini dan saya tidak dapat hendak kata apa-apa. Ia masih dianggap sebagai khabar angin dan masih terdapat tuduhan daripada pihak itu dan pihak ini. Jadi saya tidak sepatutnya buat sebarang kenyataan terhadap perkara yang tidak disahkan ini," katanya.

Beliau berkata sebaik-baiknya peletakan jawatan Abu Hassan tidak dipersoalkan lagi dan isu untuk menjatuhkan beliau tidak timbul kerana Abu Hassan sudah berkorban dengan meletakkan jawatan.

Abdullah berkata beliau sedih kerana Abu Hassan terpaksa meletak jawatan dan menghormati ketegasannya serta prihatin dengan masalah yang dihadapinya.

"Beliau terpaksa mengambil tindakan seumpama (meletak jawatan) itu dan kita menghormati keputusan beliau meletak jawatan," katanya.

Abdullah turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Abu Hassan atas khidmatnya menerajui kerajaan negeri Selangor serta dapat menjayakan pembangunan Putrajaya, Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang terletak di negeri itu.

Mengenai pandangan pihak tertentu yang menyatakan bahawa Abu Hassan sepatutnya tidak meletakkan jawatan sebaliknya membersihkan namanya, Abdullah berkata: "Itu pandangan. Macam-macam, orang buat pandangan, tapi itu keputusan dia untuk meletak jawatan dan kita perlu menghormati keputusannya."

Sementara itu, Muhammad ketika ditemui pemberita berkata namanya tidak tersenarai dalam kesebelasan nama calon yang dikemukakan kepada Perdana Menteri pagi tadi.

"Saya tidak termasuk dalam kriteria, jadi nama saya tidak dihantar. Nama saya tidak layak daripada kriteria yang diputuskan oleh perhubungan negeri," kata Muhammad, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

Beliau berkata mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri telah memutuskan bahawa calon Menteri Besar perlulah dari kalangan ketua bahagian atau

pemangku ketua bahagian serta menjadi wakil rakyat (Adun).

Katanya kriteria itu telah dimaklumkan kepada Dr Mahathir semasa senarai nama-nama itu diserahkan kepada beliau di Putrajaya.

Mengenai ura-ura akan berlaku pengosongan satu jawatan Adun bagi membolehkan beliau bertanding dan dilantik sebagai Menteri Besar, beliau berkata: "Ini semuanya spekulasi dan kita jangan dengan spekulasi".

Ditanya sama ada beliau bersedia untuk kembali, Muhammad berkata perkara itu tidak berbangkit.

Dengan perkembangan terbaru ini, dua calon paling kanan Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad (Timbalan Menteri Besar) dan Datuk Mokhtar Dahalan (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Setinggan) disebut-sebut mempunyai peluang yang cerah untuk dilantik Menteri Besar.

-- BERNAMA

AT AHH RON